

NO SOALAN : 52

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
(KOTA TINGGI)**

**TARIKH : 28.5.2015
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan penglibatan Angkatan Tentera Malaysia dalam membantu menangani ancaman dan konflik yang melibatkan Militan IS di negara-negara yang bergolak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya memantau semua bentuk ancaman yang boleh memberikan kesan langsung atau tidak langsung ke atas keselamatan negara termasuklah dari kumpulan Militan *Islamic State* (IS) di negara-negara yang bergolak. Ini kerana ia berupaya memberikan impak yang besar kepada keselamatan dunia amnya dan negara khususnya. Kekejaman dan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh Militan IS tidak dapat diterima sama sekali.

Melalui pembentangan kertas putih di Sidang Parlimen Ke-13 pada 26 November 2014, kerajaan secara tegas menolak sebarang gerakan Militan IS. Peranan kerajaan adalah berdiri teguh bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa untuk menentang Militan IS, selaras dengan resolusi dan pendirian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam keghairahan sebilangan negara-negara antarabangsa untuk bertindak langsung ke atas IS, kerajaan lebih memberi fokus kepada rakyat tempatan yang cenderung terhadap pengaruh IS di dalam dan luar Negara.